

Keagungan kerajaan Melayu

SEJAK zaman akhir prasejarah lagi kehebatan orang Melayu sememangnya terserlah dalam dunia pelayaran antarabangsa. Malah kerana itu aktiviti perdagangan juga dikatakan sudah wujud sebelum terbentuknya kerajaan Melaka lagi.

Menurut Timbalan Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, **Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli (gambar)**, ini dibuktikan dengan hujah Blench (pengkaji barat) pada 1994 yang menyatakan jalur pelayaran yang meliputi kawasan timur pesisiran laut Afrika telah digunakan oleh pelayar-pelayar Austronesia atau Melayu sejak awal abad Masihi lagi.

Pelayar-pelayar ini didapati sudah biasa dengan pelayaran di Lautan Hindi sehingga mereka boleh menduduki Madagaskar.

Bahasa Malagasi yang merupakan bahasa pertuturan masyarakat di Madagaskar didapati amat rapat dengan bahasa Malayo-Polinesia yang banyak digunakan penduduk Indonesia, Malaysia dan Filipina.

"Malah catatan Yunani menyatakan bahawa kapal-kapal Melayu yang besar dan boleh mencapai muatan 1,000 tan telah sampai ke India pada abad kedua atau ketiga Masihi.

"Ini bermakna orang Melayulah yang sebenarnya telah mewujudkan jalur perdagangan di Selat Melaka, bukannya pedagang-pedagang dari India mahupun dari China.

"Dalam erti kata lain, kerajaan-kerajaan kuno di Mesir, Timur

Tengah atau India itu sudah biasa dengan kehadiran pedagang-

pedagang Melayu yang membawa hasil atau komuniti berharga seperti kapur barus yang digunakan untuk pengawetan mumia, rempah ratus, gaharu, cendana, hasil hutan, hamba abdi serta komoditi logam seperti emas, bijih timah dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, sejak awal abad ke-5 Masihi sehinggalah kedatangan penjajah dari Eropah pada abad ke-16 Masihi, perkembangan perdagangan maritim antarabangsa di Selat Melaka telah membawa kepada jatuh dan banggunya beberapa pelabuhan entrepot yang strategik dan amat signifikan dengan perkembangan ilmu pelayaran Melayu sejak zaman sebelum Masihi lagi.

Antara pelabuhan entrepot yang berkembang maju termasuklah pelabuhan Kedah Tua, Molyu

(Jambi), Srivijaya, Temasik (Singapura) dan Melaka.

Kesemua pelabuhan dan kerajaan itu berkait secara langsung dengan kerajaan Srivijaya selain merupakan pelabuhan entrepot yang sering menjadi pilihan persinggahan pedagang dari India, Arab-Pasri, China dan Asia Tenggara sejak 500 Sebelum Masihi lagi.

Data mengenai perkembangan kerajaan Melayu Srivijaya, Molyu, Kedah Tua, Temasik dan Melaka banyak diperolehi dalam bentuk arkeologi dan sumber-sumber bertulis sama ada dari India, Arab-Parsi, China, Asia Tenggara atau Eropah.

Sumber yang menunjukkan adanya kerajaan Srivijaya (yang turut dikaitkan dengan kerajaan Melayu yang lain) diperolehi menerusi bukti arkeologi berupa inskripsi iaitu Inskripsi Kedukan Bukit yang bertarikh 16 Jun di antara 683 atau 682 Masihi.

"Di dalam Inskripsi Kedukan Bukit itu menyatakan tentang kedatangan Dapunta Hyang yang memimpin 2,000 laksa (bersamaan 20,000 bala tentera) dari Minanga Tamwan menyerang kerajaan Palembang, Molyu dan Kedah Tua,"ujarnya.

Sumber seterusnya diperolehi dari China iaitu perjalanan I-Ching ke Nalanda India untuk mendalami agama Buddha.

"Berdasarkan catatan I-Ching, ketika dia mengunjungi Palembang (Srivijaya) pada 671 kemudian ke Molyu dan kedah tua, ketiga tiga adalah satu entiti atau kerajaan berasingan. Ketika perjalanan pulang dari Nalanda, india (pada 685 masihi) kerajaan Molyu dan Kedah Tua sudah dicantum atau di bawah taklukan Srivijaya," katanya.



Ini bermakna orang Melayulah yang sebenarnya telah mewujudkan jalur perdagangan di Selat Melaka, bukannya pedagang-pedagang dari India mahupun dari China."

ZULISKANDAR RAMLI

